
SIARAN MEDIA
25 September 2024

ECoS MELANCARKAN DUA APLIKASI ATAS TALIAN: EEISy DAN Talk2ECoS UNTUK KEGUNAAN AWAM

KOTA KINABALU, 25 September - Energy Commission of Sabah (ECoS) telah melancarkan dua aplikasi atas talian iaitu ECoS Energy Information System (EEISy) dan Talk2ECoS.

EEISy adalah platform atas talian yang direka khusus untuk memudah cara proses pendaftaran sebagai Pengurus Tenaga Elektrik ECoS (EREEM) dan Syarikat Perkhidmatan Tenaga ECoS (EESCO) untuk perkhidmatan berkaitan cekap tenaga (*Energy Efficiency*).

"Sistem ini bukan sahaja mampu meningkatkan kecekapan operasi tetapi juga memastikan pengurusan data yang teratur dan mudah diakses bagi semua pihak yang terlibat," kata Datuk Ir. Abdul Nasser Abdul Wahid, Ketua Pegawai Eksekutif ECoS dalam ucapannya semasa upacara pelancaran sistem dalam talian EEISy dan Talk2ECoS di Hyatt Centric Kota Kinabalu pada hari ini.

Beliau turut menjelaskan bahawa maklumat yang dikemukakan oleh pihak EESCO melalui sistem EEISy adalah penting untuk mengenal pasti dan memantau penggunaan tenaga oleh industri-industri atau pengguna-pengguna besar tenaga di Sabah. Maklumat yang sama juga akan membantu di dalam inisiatif ECoS seterusnya iaitu membangunkan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Sabah (*Sabah Energy Efficiency Action Plan - SEEAP*) iaitu salah satu strategi di dalam Sabah Energy Roadmap and Masterplan 2040 dalam masa terdekat nanti.

"EESCO memainkan peranan penting dalam pelaksanaan audit tenaga dan memberikan khidmat juruperunding kepada premis komersial dan industri ke arah pengurusan tenaga elektrik yang lebih cekap. ECoS menyasarkan sekurang-kurangnya 10 EESCO berdaftar dalam tahun ini bagi menyediakan perkhidmatan yang efektif kepada hampir 70 premis yang memerlukan perkhidmatan mereka di negeri Sabah setakat ini," tambah beliau.

Manakala itu, pelancaran Talk2ECOS pula merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh ECoS untuk mewujudkan platform pengurusan maklum balas merangkumi aduan, pertanyaan, dan cadangan. Dengan memperkenalkan platform ini, EcoS akan dapat memantau sebarang maklumat yang diterima untuk tindakan lanjut khususnya yang masih tertangguh dan perlu diambil tindakan di peringkat pemegang-pemegang lesen perkhidmatan pembekalan tenaga di Negeri ini.

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.

SIARAN MEDIA
25 September 2024

"Pelancaran aplikasi EEISy dan Talk2ECoS hari ini merupakan salah satu inisiatif pendigitalan yang dapat memanfaatkan banyak pihak selaras dengan peranan ECoS untuk memudahkan keperluan pemegang-pemegang taruh khususnya dan masyarakat amnya" jelas beliau dengan menambah bahawa inisiatif ini adalah bukti dedikasi ECoS ke arah pencapaian visi *Sabah Energy Roadmap and Masterplan 2040* (SE-RAMP 2040).

"Kami komited dan menghargai setiap maklumat yang diterima dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi setiap maklum balas dan cadangan yang bernas. Melalui kerjasama ini, kami yakin bahawa kedua-dua aplikasi ini akan menjadi platform yang penting dalam mewujudkan rangkaian perhubungan dan jalinan kolaborasi di antara ECoS dengan masyarakat secara amnya " kata Datuk Nasser.

[tamat]

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.